

BAB KEENAM

Rumusan Dan Cadangan

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Dalam bab terakhir ini, penulis ingin membentangkan rumusan hasil dari kajian yang telah dibuat. Bahagian rumusan ini akan menyorot aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang terdahulu. Ini bertujuan menghasilkan satu kesimpulan yang menyeluruh berkaitan maklumat-maklumat penting yang diperolehi menerusi kajian ini.

Di samping itu, penulis akan mengutarakan cadangan yang berbentuk idea dan pendapat sebagai usaha untuk membantu memberikan sumbangan ke arah mempertingkatkan kemahiran berbahasa Arab di kalangan pengguna terutamanya para pelajar.

6.1 Rumusan

Setelah diperhatikan daripada hasil kajian dan analisis yang dilakukan ini, penulis dapat mengemukakan beberapa rumusan penting yang boleh dijadikan intipati keseluruhan kajian ini.

Ilmu *balāghah* merupakan satu bidang ilmu yang sangat penting untuk dipelajari dan dikaji oleh setiap individu. Ini disebabkan hubungannya yang

sangat rapat dengan Al-Quran dan Al-Hadis .Segala perkataan dan ayat yang diungkapkan dalam kedua-duanya mengandungi berbagai rahsia-rahsia kemukjizatan yang sangat unik yang hanya dapat difahami apabila dilihat dari perspektif kajian berteraskan *balāghah* . Terdapat beberapa ayat dalam Al-Quran yang tidak dapat jelas maksudnya kecuali apabila pembaca membuat penelitian bersumberkan kajian-kajian ulama yang menghuraikannya berdasarkan fakta-fakta *balāghah*.

Orang-orang Arab zaman dahulu, telah memiliki kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang ilmu *balāghah* dan kesusasteraan Arab. Maklumat-maklumat yang tersimpan dalam khazanah ilmu Islam yang sampai dari era tersebut telah menjadi perintis kepada perkembangan ilmu *balāghah* di zaman-zaman selepasnya . Perkembangan itu telah melahirkan ramai tokoh ilmu *balāghah* yang terkemuka dan hasil-hasil kajian yang banyak .

Ilmu *Al-Ma'ānī* adalah satu dari bahagian ilmu *balāghah* yang terpenting yang membahaskan tujuan sesuatu percakapan yang berlandaskan kepada kesesuaian situasi dan persediaan pendengar . Apakah sebenarnya yang tersirat di sebalik yang tersurat itu ? Menerusi ilmu *al-Ma'ānī* ini kita dapat mengenal pasti ciri-ciri kemukjizatan Al-Quran dan keindahan puisi dan prosa Arab . Antara bahasan ilmu *al-Ma'ānī* yang penting ialah kaedah-kaedah pemisahan (*Al-Faṣl*) dan penyambungan (*Al-Waṣl*) yang menjadi topik kajian ini .

Al-Faṣl dan *Al-Waṣl* merupakan dua kaedah penting yang melibatkan penyampaian maklumat dalam bahasa Arab. Kedua-dua kaedah ini digunakan dalam situasi-situasi yang berbeza-beza mengikut konteks berpandukan garis panduan yang telah ditetapkan oleh para ulama *balāghah*.

Penggunaan huruf *wāw* '*aḥaf*' sebagai contohnya adalah satu kemestian dalam ayat-ayat *Al-Waṣl* pada dua tempat. *Al-Waṣl* menjadi wajib untuk menghubungkan dua ayat yang berkeadaan sama. Ia juga wajib supaya tidak timbul sebarang kekeliruan.

Al-Faṣl pula wajib dalam lima keadaan berasingan yang dikategorikan sebagai *kamāl al-ittiṣāl*, *syibh kamāl al-ittiṣāl*, *kamāl al-inqiṭā'*, *syibh kamāl al-inqiṭā'* dan *al-tawassuṭ bain al-kamālain* (antara dua *kamāl*).

Analisis yang dibuat terhadap ayat-ayat *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* dalam surah *Al-Mulk* menjadi fokus utama kajian ini. Melalui analisis itu, dapat dirumuskan bahawa ayat-ayat *Al-Faṣl* dalam surah ini hanya merangkumi tiga kategori ayat-ayat *Al-Faṣl* sahaja iaitu kategori *kamāl al-ittiṣāl*, *syibh kamāl al-ittiṣāl* dan *kamāl al-inqiṭā'* sahaja. Ayat-ayat *Al-Faṣl* kategori *kamāl al-ittiṣāl* pula menduduki tempat pertama dari 30 ayat surah *Al-Mulk* yang dibincangkan.

Ayat-ayat *Al-Waṣl* pula hanyalah melibatkan kategori yang pertama sahaja iaitu apabila kedua-dua ayat berada dalam keadaan yang sama.

Kategori jenis kedua pula tidak didapati langsung dalam senarai ayat-ayat *Al-Waṣl* yang dibincangkan .

Sebahagian besar ayat surah ini berkisar tentang bukti kekuasaan Allah s.w.t yang menciptakan alam semesta ini . Penghayatan yang sepatutnya timbul dalam fikiran seseorang hamba apabila tamat membaca ayat-ayat dari surah ini ialah alangkah lemahnya manusia di hadapan kudrat Tuhannya . Walaupun begitu masih ramai manusia yang lupa misi penghantarannya ke bumi Allah s.w.t .

Seterusnya , kajian ini juga telah dapat melahirkan beberapa dapatan penting . Antaranya ialah perkembangan pesat ilmu *balāghah* itu telah menjadi pencetus kepada kemunculan kaedah-kaedah *balāghah* yang sangat sistematik mencakupi ketiga-tiga bidang ilmu *al-Ma'ānī*, *al-Bayān* dan *al-Badī'*. Kaedah-kaedah ini telah dibukukan untuk terus dijadikan sumber rujukan para pengkaji dan pencinta ilmu ini zaman-berzaman .

Penggunaan *uṣlūb* dalam Al-Quran sebenarnya mempunyai identiti yang tersendiri yang hanya dapat dikenalpasti oleh orang-orang yang mengkajinya secara serius . Pengolahan bahasa secara mantap termasuk kaedah penyambungan dan pemisahan pada tempat-tempat yang perlu telah berjaya menterjemahkan mesej dan rūḥ Al-Quran itu sendiri iaitulah untuk menyampaikan perkara-perkara suruhan dan larangan .

6.2 Cadangan

Penguasaan terhadap kedua kaedah *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* amatlah penting terutamanya dalam konteks memahami nas-nas syara' yang diambil dari Al-Quran dan Al-Hadis . Perkara ini juga sangat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di pelbagai peringkat . Dalam bab yang terakhir ini penulis berhasrat mengemukakan beberapa cadangan bagi membantu mempertingkatkan tahap pembelajaran ilmu *Balāghah* khususnya yang berkait rapat dengan *Al-Faṣl* dan *Al-Waṣl* itu sendiri .

Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan adalah seperti di bawah :

Mata pelajaran *balāghah* hendaklah diperkenalkan di peringkat sekolah rendah lagi terutamanya sekolah-sekolah beraliran agama supaya para pelajar mendapat pendedahan tentang ilmu *balāghah* itu sejak dari awal lagi.

Seterusnya usaha memahamkan para pelajar tentang ilmu *balāghah* itu hendaklah berterusan hingga ke peringkat sekolah menengah seterusnya ke universiti . Perkara ini perlu difikirkan secara serius memandangkan *balāghah* merupakan rūḥ ataupun nyawa kepada bahasa Arab itu .

Selain daripada mempelajari kaedah-kaedah ilmu *balāghah* secara teori , para pelajar perlu didedahkan kepada perkara-perkara praktikal . Masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar bahasa Arab akhir-akhir ini ialah kelemahan memahami teks-teks sastera Arab . Kebanyakan para pelajar

mampu menghafaz fakta-fakta *balāghah* tetapi gagal di peringkat menginterpretasikan hafazan mereka . Selain dari prosa dan puisi Arab, penulis turut mencadangkan agar praktikal itu ditumpukan kepada teks-teks Al-Quran dan hadis memandangkan sumber ini sangat relevan dengan para pelajar .

Bagi menjamin keberkesanan pembelajaran ilmu *balāghah* di semua peringkat , satu kurikulum khas bagi mata pelajaran ini perlu digubal dan dilaksanakan secara lebih sistematik . Tenaga pengajar yang benar-benar berkelayakan dan mahir hendaklah disediakan supaya ia dapat disampaikan dengan lebih efektif dan sempurna .

Memandangkan tenaga yang berkemahiran agak terhad bilangannya , maka pihak berkewajipan wajarlah menghantar guru-guru bahasa Arab dan pendidikan Islam yang sedia ada untuk mendapatkan kursus berkaitan bidang ini sama ada di dalam ataupun di luar negeri . Tindakan ini perlu bagi merealisasikan matlamat jangka panjang untuk tujuan menampung kekurangan tenaga pakar dalam bidang ini .

Umat Islam di pelbagai peringkat umur dan pendidikan disarankan untuk mempelajari ilmu *balāghah* , kerana melaluinya kefahaman terhadap unsur-unsur kemukjizatan al-Quran dan kandungannya dapat dipertingkatkan.

Para pendakwah dan penceramah perlulah melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu *balāghah* seperti kaedah *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* kerana

penguasaan terhadap perkara ini dapat membantu menerangkan fakta-fakta dan hukum-hakam yang terdapat dalam al-Quran kepada masyarakat .

Pakar-pakar ilmu *balāghah* dan retorik al-Quran patut mengorak langkah ke arah yang lebih produktif untuk mengarang buku-buku ilmiah berkaitan dengan bidang ini . Penterjemahan buku-buku *balāghah* Arab juga perlu untuk dijadikan rujukan oleh para pelajar dan pengkaji yang tidak memahami bahasa Arab .

Seterusnya pihak-pihak yang bertanggungjawab menguruskan perpustakaan di negara ini terutamanya di universiti-universiti tempatan hendaklah mengambil inisiatif untuk memperbanyakkan bahan-bahan rujukan dalam bidang ilmu *balāghah* ini .

6.3 Penutup

Hakikat yang patut diterima oleh para pengkaji dan pencinta bahasa Arab ialah tahap pembelajaran bahasa Arab masih berada di peringkat yang tidak memuaskan . Tanggapan-tanggapan negatif yang mengatakan bahawa bahasa ini susah dan kompleks masih lagi membelenggu minda para pelajar.

Adalah diharapkan menerusi penampilan kajian ini sedikit sebanyak dapat mengubah fenomena tersebut . Kita perlulah membuktikan bahawa pembelajaran bahasa Arab secara amnya dan ilmu *balāghah* khususnya

tidaklah susah seperti yang disangka . Penggunaan kaedah *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* yang terdapat dalam bahasa Arab sebenarnya mempunyai kesamaan yang banyak dengan kaedah penyambungan dan pemisahan yang digunakan dalam bahasa Melayu . Adalah diharapkan kajian seperti ini dapat menjadi titik tolak ke arah penghasilan kajian-kajian berbentuk perbandingan antara kedua bahasa tersebut pada masa-masa akan datang .